

Bukan sekadar perkongsian minat

SETIAP orang biasanya mempunyai hobi tersendiri.

Kadangkala seseorang itu sanggup menghabiskan wangnya bagi memenuhi aktiviti kegemarannya itu.

Bagi mereka yang berfikiran jauh, hobi sebenarnya boleh dikembangkan untuk pelbagai manfaat tertentu termasuk menjadi salah satu cara untuk menjana sumber pendapatan.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad berkata, hobi merupakan satu kecenderungan minat terhadap sesuatu perkara.

Jelasnya, dalam kehidupan, terdapat



ZAID

manusia-manusia yang meminati perkara sama terutamanya berkaitan hobi.

"Perkara itu akan membentuk satu kelompok atau komuniti yang berkongsi minat, sekali gus membentuk satu pasaran perniagaan.

"Mungkin sesetengah individu itu dapat menghidu peluang untuk menjadikan minat atau hobi yang sama tersebut sebagai satu cara untuk dirinya menawar perkhidmatan kepada satu sama lain," katanya ketika dihubungi *K2* baru-baru ini.

Zaid menjelaskan, sebagai contoh mereka yang mempunyai hobi terhadap skuter

lama seperti Vespa, ia bukan sekadar dapat mewujudkan komuniti yang berkongsi minat semata-mata.

Sebaliknya, ia akan mewujudkan platform untuk seseorang itu menyediakan perkhidmatan membaik pulih dan menjual alat-alat ganti kepada komuniti yang mempunyai minat yang serupa dengannya.

"Selain itu, melalui komuniti berasaskan hobi juga ia memberi banyak manfaat kepada persekitaran sosial.

"Kita lihat kini banyak juga komuniti yang mempunyai hobi sama menganjurkan aktiviti-aktiviti amal apabila melakukan sesuatu pertemuan," ujarnya.